

## PERIBAHASA MELAYU

Masukan **peribahasa** yang sesuai ke dalam petak yang disediakan bagi melengkapkan maksud ayat.

Jamudin dan Zubair adalah adik-beradik. Ayah mereka kerap meminta bantuan mereka berdua untuk melakukan kerja-kerja rumah namun, Zubair selalu \_\_\_\_\_ semasa melakukan kerja tetapi perbuatannya ini tidak diketahui oleh ayahnya kerana perbuatannya \_\_\_\_\_. Bila ditegur oleh Jamudin, Zubair kerap \_\_\_\_\_. Perangai dua adik beradik ini berbeza \_\_\_\_\_. Zubair merupakan anak yang \_\_\_\_\_ dengan ibunya kemana saja ibunya pergi.

Jamudin seorang anak yang rajin dan selalu membantu orang sekeliling. Jamudin seorang yang \_\_\_\_\_ kerana kerap diberi saguhati kerana kebajikannya menolong orang. Berbeza dengan Zubair yang \_\_\_\_\_ kerana apa-apa sahaja yang dipegangnya akan rosak, ini kerana dia seorang yang \_\_\_\_\_ iaitu tergesa-gesa dalam membuat sesuatu. Jamudin mempunyai banyak wang dalam tabungnya, baginya menyimpan duit itu penting untuk masa hadapan ibarat \_\_\_\_\_. Dia berjimat cermat dan berfikir panjang dalam berbelanja, baginya \_\_\_\_\_.

Buat helah	Curi tulang	Belum duduk sudah berlunjur
Berani malu takut mati	Panas tangan	Mencancang biar berlandasan, melompat bertumpuan
Sejuk tangan	Seperti langit dengan bumi	Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah
Berkulut-kulut	Seperti api dalam sekam	Cicir dipungut, hilang dicari